

23/09/1997

Arahan tutup kilang perlu kerjasama

GEORGETOWN, Isnin - Arahan supaya semua kilang di negeri ini yang mengeluarkan asap berlebihan memberhentikan operasi buat sementara bagi mengatasi masalah jerebu perlu mendapat kerjasama semua pihak.

Kerajaan negeri memerlukan garis panduan lengkap daripada kerajaan pusat sebelum mengarahkan kilang terbabit ditutup.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata arahan itu yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, itu adalah satu cara untuk mengatasi masalah jerebu yang berlaku di seluruh negara ketika ini.

Menurutnya, walaupun begitu, pihak kilang juga perlu diberi perhatian mengenai aspek lain sebelum arahan itu dikuatkuasakan.

Katanya, penutupan kilang akan mengakibatkan ekonomi terjejas dan pengangguran sementara berlaku.

"Sehubungan itu, satu mesyuarat khas akan diadakan untuk meneliti semua aspek mengenai arahan menutup kilang yang didapati banyak mengeluarkan asap di negeri ini," katanya dalam ruangan Apa Khabar YB di Radio 3 Pulau Pinang (R3PP), di sini hari ini.

Kenyataan yang dikeluarkan semalam melaporkan Dr Mahathir mahukan kilang yang mengeluarkan asap supaya memberhentikan operasi buat sementara dalam usaha membantu kerajaan mengatasi masalah jerebu yang dihadapi negara sekarang.

Perdana Menteri juga mahukan kerja tanah dikurangkan dan mereka yang mengendalikan kerja itu hendaklah membasahkan tanah supaya habuk tidak naik ke udara.

Dr Koh berkata, kerajaan negeri akan mendapatkan garis panduan lengkap terlebih dahulu daripada kerajaan pusat mengenai perlaksanaan arahan itu.

Menurutnya, selepas garis panduan didapati, kerajaan negeri melalui semua pihak akan mengenal pasti kilang yang perlu diarah untuk memberhentikan operasi buat sementara bagi mengatasi masalah jerebu yang masih melanda negeri ini.

(END)